

DASAR DAN GARIS PANDUAN PENERBITAN POLITEKNIK KUCHING SARAWAK



PRAKATA

Setinggi-tinggi syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, buku Dasar Dan Garis Panduan Penerbitan Politeknik Kuching Sarawak (PKS) ini dapat diterbitkan.

Dasar Dan Garis Panduan Penerbitan PKS ini disediakan bertujuan untuk membantu kakitangan PKS dan pelajar PKS bagi menghasilkan dalam penyediaan penerbitan bahan ilmiah atau karya kreatif selaras dengan perlembagaan PKS. Garis panduan ini adalah hasil dari hasrat PKS untuk menambahbaik kualiti bahan penerbitan kakitangan dan pelajar PKS dengan mengambilkira keperluan semua pihak.

Dasar dan Garis Panduan Penerbitan PKS ini merangkumi aspek-aspek yang perlu diketahui untuk menyediakan penerbitan bagi mendapatkan ISBN atau ISSN dari Perpustakaan Negara Malaysia. Diharap agar dengan adanya panduan seumpama ini, kualiti sesebuah penerbitan di PKS dapat dipelihara.

Akhir kata, saya mengucapkan syabas, tahniah dan terima kasih kepada Jawatankuasa Penebitan kerana telah berjaya menghasilkan buku Dasar dan Garis Panduan Penerbitan ini.

Selamat maju jaya.

“Bertekad Cemerlang”

Hj. Mohd Anwar Bin Hj. Dris
Timbalan Pengarah Akademik
Politeknik Kuching Sarawak

KANDUNGAN

Perkara	Halaman
1. Tujuan	1
2. Objektif Dasar Penerbitan PKS	1
3. Struktur Organisasi Jawatankuasa Penerbitan PKS	2
4. Peraturan Penerbitan	2
5. Dasar Dan Garis Panduan Penerbitan Politeknik Kuching Sarawak (PKS)	5
(A) Karya Asli	5
(B) Karya Suntingan	6
(C) Monograf	6
(D) Penulisan Buku Rujukan	6
(E) Bahan Umum	7
6. Permohonan International Standard Book Number (ISBN)	7
7. Penyerahan Bahan Penerbitan	8
8. Rujukan	9

1. TUJUAN

Dasar dan Garis Panduan Penerbitan ini dibuat bagi memberi penjelasan dasar dan tatacara dalam penerbitan bahan ilmiah atau karya selaras dengan peruntukan Perlembagaan PKS. Ia juga sebagai panduan Jawatankuasa Penyelarasan Penerbitan PKS bagi menjalankan fungsi dan tanggungjawab dalam usaha membangun dan memajukan bidang penerbitan akademik di Politeknik Kuching Sarawak. Di samping itu, garis panduan ini diharapkan dapat memberi maklumat yang lebih jelas kepada pihak yang berminat untuk menerbitkan hasil karya mereka dengan Penerbit PKS.

2. OBJEKTIF DASAR PENERBITAN PKS

Objektif Dasar dan Garis Panduan Penerbitan PKS adalah seperti yang berikut:

1. Untuk meningkatkan kualiti penerbitan buku dan bahan terbitan ilmiah dalam bahasa Melayu, bahasa Inggeris dan lain-lain bahasa.
2. Memartabatkan kecemerlangan ilmu dalam bentuk penerbitan buku-buku ilmiah.
3. Menjadikan PKS sebagai penerbit yang cemerlang dan disegani dalam penerbitan buku-buku ilmiah.
4. Menawarkan khidmat profesional penerbitan seperti penyuntingan, grafik, atur huruf dan juga mengurus penerbitan untuk warga PKS dan pelanggan di luar PKS.
5. Meningkatkan bilangan penerbitan buku dalam bidang Sains Kejuruteraan, Perdagangan dan juga sains sosial yang lain (Pendidikan, Teknologi Maklumat & dsb).
6. Meningkatkan penerbitan buku secara web-based (e-pub).

3. STRUKTUR ORGANISASI JAWATANKUASA PENERBITAN PKS

Organisasi Jawatankuasa Penerbitan PKS

Penaung : Pn Clara Ong Guat Leng
Penasihat : Tn. Hj. Mohd Anwar Bin Hj. Dris
Pengerusi : En. Kiprawi Bin Sani
Setiausaha 1 : Pn. Khairani Binti Kaharuddin
Setiausaha 2 : Pn. Then Sing Lee
Ahli-ahli : Pn. Caroline Ann Mai
En. Ermizam Bin Edni
En. Mohd Rizduan Bin Mohamad Sharip
En. Mohd Fareezul Bin Jamil
En. Azrin Bin Razali Robert

4. PERATURAN PENERBITAN

1. Semua warga PKS digalakkan untuk menerbitkan karya mereka melalui Jawatankuasa Penerbitan Politeknik Kuching Sarawak.
2. Jawatankuasa Penerbitan PKS berhak untuk menolak atau melarang mana-mana manuskrip daripada diterbitkan jika dipercayai mempunyai elemen yang bertentangan dengan dasar PKS atau yang boleh menjejaskan nama baik PKS.
3. Jawatankuasa boleh mencadangkan mana-mana karya staf PKS untuk diterbitkan oleh penerbit luar (termasuk luar negara), sekiranya Jawatankuasa berpendapat ia akan membawa impak yang lebih tinggi dari segi pasaran dan penonjolan imej PKS.
4. Manuskrip yang ditulis bersama pengarang luar (Bukan kakitangan PKS), boleh juga diterbitkan melalui Penerbit PKS.

5. Penerbitan lain seperti: jurnal, prosiding, ensiklopedia dan artikel-artikel daripada seminar atau bengkel.

6. Perincian genre atau jenis penerbitan ialah seperti berikut:

- i. Genre ilmiah
- ii. Buku teks dan modul
- iii. Jurnal
- iv. Ilmiah popular
- v. Fiksyen
- vi. Buku Karya Asli (ilmiah/Umum)
- vii. Terjemahan buku
- viii. Modul
- ix. Monograf

7. Walau bagaimanapun, apa jua ketidakpastian hendaklah dirujuk kepada Penerbit PKS untuk keselarasan format penerbitan bagi mengelakkan kualiti terjejas.

5. DASAR DAN GARIS PANDUAN PENERBITAN POLITEKNIK KUCHING SARAWAK (PKS)

(A) Karya Asli

1. Kakitangan PKS yang ingin memohon *International Standard Book Number* (ISBN) boleh mengemukakan borang permohonan ISBN berserta dengan maklumat berkaitan seperti yang berikut kepada Jawatankuasa Penerbitan:-

Jawatankuasa Penerbitan

Politeknik Kuching Sarawak

KM.22, Jalan Matang,

93050 Kuching,

Sarawak.

Tel: 082-845596; Faks: 082-845023

(B) Karya Suntingan

1. Kertas kerja pilihan daripada persidangan dan koleksi artikal jemputan yang menjurus kepada sesuatu tema dikenali sebagai Karya Suntingan.
2. Karya suntingan diuruskan oleh seorang atau lebih tiga penyelenggara, yang Mengemukakan cadangan penerbitan kepada Jawatankuasa Penerbitan. Lazimnya karya suntingman memuatkan satu artikel oleh penyelenggara.
3. Nama penyelenggara akan tercatat pada kulit buku dan dalam pengkatalog serta penerbitan.

(C) Monograf

Monograf ialah bahan dalam bahasa Melayu atau bahasa Inggeris yang dihasilkan daripada kerja penyelidikan berteraskan pengetahuan/ teknologi terkini; mempunyai nilai untuk dikembangkan, dimajukan, serta dapat dijadikan bahan rujukan saintifik yang menggambarkan kesarjanaan dan kecemerlangan penyelidikan.

(D) Penulisan Buku Rujukan

1. Penulisan buku rujukan ialah penerbitan untuk kegunaan pelajar dan pensyarah serta perlu melalui proses penilaian formal (penilai bidang).
2. Jangka masa penerbitan dari tarikh diterima manuskrip adalah tiga puluh hari.
3. Penulisan modul tidak mempunyai *International Standard Book No.(ISBN)*. Ia dipasarkan oleh pensyarah sendiri kepada pelajarannya.

(E) Bahan Umum

1. Jenis bahan umum yang diterbitkan di PKS adalah seperti berikut:

- i. Panduan Pengurusan Akademik
- ii. Panduan Pengurusan Sokongan Akademik
- iii. Syarahan Umum Kakitangan
- iv. Pelan Strategik
- v. Buletin
- vi. Laporan Tahunan

6. PERMOHONAN INTERNATIONAL STANDARD BOOK NUMBER (ISBN)

1. Borang Permohonan ISBN boleh dimuat turun dari website Perpustakaan Negara Malaysia di www.pnm.gov.my. Borang yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar ke Jawatankuasa ini beserta salinan kulit buku sebenar dan salinan muka surat hakcipta untuk diproses.
2. Jawatankuasa Penerbitan PKS akan membawa karya berkenaan ke pengetahuan Pengarah PKS untuk proses selanjutnya. Hanya karya yang diperakui oleh Pengarah PKS sahaja akan dihantar ke Perpustakaan Negara Malaysia untuk permohonan ISBN.
3. Keputusan Pengarah adalah muktamad. Jawatankuasa Penerbitan PKS akan memaklumkan kepada pengarang tentang status kelulusan pengarah dan status permohonan ISBN dengan PNM.
4. Kakitangan PKS bertanggungjawab untuk mendapatkan izin hak cipta berkenaan sebarang maklumat dalam manuskrip asli yang memerlukan izin hak cipta.
5. Penghasilan karya asli yang diterbitkan oleh Penerbit PKS, akan diambilkira sebagai tujuan kenaikan pangkat dan Penunjuk Prestasi Utama (*Key Performance Indicator [KPI]*) terutamanya di kalangan staf akademik.

Langkah ini bertujuan untuk memperbanyakkan jumlah penerbitan ilmiah oleh PKS serta meningkatkan imej PKS dalam penerbitan ilmiah

7. PENYERAHAN BAHAN PENERBITAN

Setelah perolehan ISBN bagi satu-satu terbitan, staf hendaklah membuat cetakan buku tersebut. Menurut Akta 331: Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 dan *Sarawak State Library Ordinance*, 1999 adalah tanggungjawab bagi staf yang telah memperolehi ISBN untuk membuat penyerahan bahan kepada pihak-pihak yang berikut :

- i. Perpustakaan Negara Malaysia
 - Lima (5) naskah bercetak
 - Dua (2) naskah tidak bercetak (dalam bentuk CD / AV)
- ii. Perpustakaan Negeri Sarawak
 - Lima (5) naskah bercetak
 - Dua (2) naskah tidak bercetak (dalam bentuk CD / AV)

Bagi memastikan koleksi buku dan bahan rujukan di PKS sentiasa bertambah dan terkini, staf juga diminta membuat penyerahan kepada pihak perpustakaan sebanyak dua (2) naskah bahan bercetak dan senaskah bahan tidak bercetak.

8. RUJUKAN

- i. Akta Penyerahan bahan Perpustakaan 1986, Akta 331, Undang-Undang Malaysia
- ii. Sarawak State Library Ordinance, 1999, Chapter 29, Laws of Sarawak
- iii. Garis Panduan : Dasar dan Peraturan, Universiti Sains Islam Malaysia
- iv. Dasar dan Garis Panduan Penerbitan , Universiti Teknikal Malaysia Melaka
- v. Dasar Malaysiana, Perpustakaan Negara Malaysia
- vi. Buku Panduan *Keys Performance Indicators* (KPI) Politeknik, Jabatan Pengajian Politeknik
- vii. Instrumen Sistem Penarafan Poiteknik (POLYRATE)
- viii. Kod Amalan Akreditasi Program, Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)

DISEDIAKAN OLEH

En. Kiprawi Bin Sani

Pn. Khairani Binti Kaharuddin

Pn. Then Sing Lee

Pn. Caroline Ann Mai

En. Ermizam Bin Edni

En. Mohd Rizduan Bin Mohamad Sharip

En. Mohd Fareezul Bin Jamil

En. Azrin Bin Razali Robert

HAKCIPTA
TERPELIHARA